

# UMP, USM jalin kerjasama kongsi kepakaran strategik

**KUANTAN 3 Julai** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Sains Malaysia (USM) memeterai memorandum perjanjian (MoA) untuk berkongsi kepakaran dalam pembangunan Sistem Pengurusan Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, prestasi dan pencapaian sesebuah universiti adalah bergantung kepada keupayaannya untuk memenuhi rangkaian KPI dan sasaran strategik yang ditetapkan.

"Selain pasukan kerja yang efisien, komited dan kaya sumber, satu lagi aspek utama yang menyumbang kepada keberkesanan penyampaian ialah keupayaan kita untuk mewujudkan sistem pengurusan strategik yang bersepadu dan memudah cara dari segi operasinya," katanya sempena majlis menandatangani MoA yang berlangsung di USM baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan



**DAING NASIR IBRAHIM** (dua dari kiri) dan **Asma Ismail** (dua dari kanan) bertukar dokumen MoA. Tuut serta **Mashitah Mohd. Yusoff** dan **Phua Kia Kien** di USM, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Prof. Datuk Dr. Mashitah Mohd. Yusoff mewakili UMP manakala USM diwakili Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dan Pengarah Bahagian Pembangunan Institusi

USM, Profesor Dr. Phua Kia Kien.

Daing Nasir berkata, pengembangan sumber manusia dan sistem automasi tersebut secara terarah bukan sahaja positif dalam konteks kecekapan organisasi, tetapi juga membolehkan peman-

taan prestasi dan kawalan operasi dijalankan berterusan secara dalam talian.

"Kita mendapati pengurusan data strategik secara dalam talian di USM dapat diuruskan dengan efektif dan efisien, dan inilah kerangka automasi yang amat bersesuaian dengan keperluan semasa universiti pada ketika ini.

"Setelah melalui pelbagai proses rundingan dengan USM serta perakuan dan kelulusan menurut peraturan di peringkat kementerian, kini Sistem Pengurusan KPI ini dapat dibekalkan kepada UMP untuk dioperasikan dalam kadar segera," katanya.

Dalam pada itu, Daing Nasir yakin sistem tersebut dapat mengatasi cabaran dan kesulitan dalam pengurusan data strategik di UMP apabila beroperasi kelak.

"Universiti juga akan berupaya menyenggara dan menyalurkan data-data berkualiti tinggi yang amat penting dalam konteks penjaan keputusan dan pelaporan strategik," ujarnya.